

JPS Updates

GONG XI FA CAI PERINGKAT JPS MALAYSIA



LAWATAN YB MENTERI NRE
KE TERENGGANU
m/s 02



MESYUARAT PENGURUSAN
JURUTERA PROJEK BAHAGIAN
PROJEK KHAS BIL 1/2016
m/s 03



MESYUARAT RANCANGAN KERJA
TAHUNAN BAHAGIAN DAN NEGERI
TAHUN 2016
m/s 04



LAWATAN YB MENTERI NRE KE TERENGGANU

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 14 hingga 15 Februari 2016, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan lawatan kerja ke Negeri Terengganu. Dalam lawatan tersebut Yang Berhormat Menteri telah melawat ke kawasan banjir di Sungai Cepoh, Telemong Hulu Terengganu dan ke Projek Mencegah Hakisan Pantai, Tok Jembal serta Projek Pembinaan Ban di Gong Batu, Setiu.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkifli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar). Dalam lawatan tersebut, satu taklimat telah disampaikan oleh Ir. Poobalan A/L V. Chidambaran, Pengarah JPS Negeri Terengganu



MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT JPS MALAYSIA

Oleh : Bahagian Korporat

Perayaan Tahun Baru Cina menandakan permulaan tahun baru dalam kalender masyarakat Cina. Bersama-sama dengan warna merah, tanglung, mercun dan pakaian 'cheongsam', juga menjadi simbol tradisi kemeriahkan masyarakat cina.

Justeru itu, JPS Malaysia juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina di peringkat JPS Malaysia bagi meraikan bersama-sama warga JPS. Majlis ini telah diadakan di perkarangan lobi Ibu Pejabat JPS Malaysia. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkifli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) dan turut hadir bersama iaitu YBrs Ir. Hj. Ab. Qahar bin Osman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) dan Pengarah-Pengarah Bahagian serta warga JPS Malaysia.



SEMINAR PEMURNIAN KAJIAN HAKISAN PANTAI NEGARA / NATIONAL COASTAL EROSION STUDY [NCES]

Oleh : Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Bertempat di Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Presint 4, Putrajaya, satu Seminar Pemurnian Kajian Hakisan Pantai Negara / National Coastal Erosion Study (NCES) telah diadakan pada 11 Februari 2016 iaitu rentetan kepada dua siri bengkel terdahulu yang telah diadakan pada 4 Jun 2015 dan 15 Oktober 2015 di Auditorium, JPS Ampang.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ia juga turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), YBrs Ir. Hj. Ab. Qahar bin Osman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) serta wakil pegawai dari JPS Malaysia.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk

- Membentangkan hasil kajian semasa kepada pihak-pihak berkepentingan daripada Agensi-Agenzi Kerajaan yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung, Pengarah-Pengarah JPS Negeri dan Pengarah-Pengarah Bahagian.
- Mendapatkan input dan maklumat terkini serta pengesahan maklumat yang dikemukakan oleh pihak JPS dan perunding berkenaan persisiran pantai terhakis, struktur pantai, pengurusan serta perlombongan pasir.
- Memberi peluang kepada peserta untuk memberi pandangan, ulasan dan saranan tentang isu-isu berkenaan hakisan di persisiran pantai.

Seminar ini juga melibatkan 5 Fasa iaitu

Fasa 1 – Coastline Classification and Categorisation of erosion for Malaysia's coastline

Fasa 2 - Legislation and guidelines

Fasa 3 - Met-Ocean condition and coastal processes, Proposed protection structures of critical erosion sites and Long-term data collection program

Fasa 4 - Geographical Information System for NCES (NCES-GIS)

Fasa 5 - Dapatkan dan saranan seminar serta rumusan seminar



MESYUARAT PENGURUSAN JURUTERA PROJEK, BAHAGIAN PROJEK KHAS BIL 1/2016

Oleh : Bahagian Projek Khas

Pada 22-23 Februari 2016 di Bilik Mesyuarat, Pejabat Jurutera Projek, RTB Sg Kedah/Anak Bukit, A99 Susuran Kebarung, Persiaran Bandar Baru Mergong, 05250 Alor Setar, Kedah Darul Aman, satu Mesyuarat Pengurusan Jurutera Projek Bahagian Projek Khas Bil 1/2016 telah diadakan.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ir. Hj Abdullah bin Isnin, Pengarah Bahagian Projek Khas. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mempermaksa pengurusan projek-projek yang dikawalselia oleh Bahagian Projek Khas serta sebagai satu platform bagi perkongsian pengetahuan dan pengalaman di antara Jurutera Projek terhadap isu-isu semasa berkaitan cabaran dalam pengurusan pembinaan.

Selain itu, dalam lawatan teknikal ke projek Terowong Lencongan Banjir Barat yang turut diatur sebagai salah satu agenda mesyuarat, telah memberi pendedahan kepada kaedah pembinaan terkini controlled blast yang mungkin akan dapat diaplikasikan dalam projek-projek yang akan



MESYUARAT RANCANGAN KERJA TAHUNAN BAHAGIAN DAN NEGERI TAHUN 2016




Oleh : Bahagian Audit Prestasi

Pada 22-23 Februari yang lalu, telah berlangsung Mesyuarat Rancangan Kerja Tahunan Bahagian dan Negeri Tahun 2016 yang telah diadakan di Institut Pembangunan Modal Insan Zon Utara di Ipoh, Perak. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBRs Ir. Hj. Ab. Qahar bin Osman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) dan turut dihadiri oleh 33 orang wakil Bahagian dan 19 orang wakil JPS Negeri yang terdiri daripada Penyelaras dan Wakil Penyelaras RKT.

Mesyuarat ini bertujuan untuk memastikan perancangan kerja tahunan Bahagian dan Negeri yang ditetapkan adalah menyokong pencapaian KPI Ketua Pengarah, Pelan Strategik Jabatan, Pelan Transformasi JPS, Pelan Strategik Sumber Manusia dan Sistem Star Rating (SSR).



APA ITU KMS ???



Oleh: Bahagian Korporat

"KNOWLEDGE MANAGEMENT SYSTEM " (KMS) adalah sistem Pengurusan dan Perkongsian Maklumat Bersepadu yang terdapat pada laman INFOPORTAL JPS Malaysia Skop KMS merangkumi maklumat-maklumat jabatan samada maklumat rasmi yang dapat dilihat secara umum (dalam bentuk cetakan atau sebagainya) juga maklumat pengetahuan yang dimiliki oleh semua kakitangan JPS. Ini bagi memastikan pengetahuan semua warga JPS dapat dikongsi untuk manfaat bersama.

Maklumat-maklumat berkenaan dimuatnaik mengikut platform KMS yang telah sedia dibangunkan di dalam Infoportal jabatan dan telah dikategorikan mengikut modul Kajian, Garis Panduan, Ringkasan Projek (Projek Brief), Termasuk Rujukan (TOR), Laporan, Seminar dan Senarai.

Selamat menggunakan Sistem KMS pada INFOPORTAL Jabatan dan semoga dengan hebahan ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua.

"MUTIARA KATA"

"Setiap KESABARAN akan menuai hasil yang indah, tidak ada SABAR yang sia-sia"

SEMINAR KHAS EKONOMI MENGENAI PELAKSANAAN PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS - PASIFIK (TPPA)



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan

PENYELARAS

Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman

KETUA EDITOR

Ir. Haji Nishad Mohamed Bin Haji C.j. Mohd. Shaffy

EDITOR

Yuslina Binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Nor Hafizah binti Mohd Suhadis
Suriani binti Hassin
Noraini Binti Samsudin
Noor Asmihan Binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat
Bahagian Audit Prestasi
Bahagian Pengurusan Zon Pantai
Bahagian Projek Khas
Bahagian Pengurusan Maklumat

DITERBITKAN DAN DIREKAGRAFIK OLEH

Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui :

Email : norhafizah@water.gov.my
No. Tel : 03-2615 1765

Email : surianihassin@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_s@water.gov.my
No Tel : 03-2616 1461

Oleh : Bahagian Pengurusan Maklumat

Pada 18 Februari 2016, bertempat di Auditorium INTAN, INTAN Bukit Kiara telah berlangsungnya satu seminar khas ekonomi mengenai Pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA). Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN. Seminar ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk J.Jayasiri, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategi & Pemantauan), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). pegawai-pegawai dari pelbagai kementerian /jabatan.

Seminar ini dihadiri oleh pegawai-pegawai dari pelbagai kementerian /jabatan dan ia bertujuan untuk menyampaikan maklumat eksklusif kepada penjawat awam mengenai pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) serta mendapat gambaran sebenar mengenai rundingan, faedah dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia ke arah pelaksanaan TPPA.

Secara ringkasnya, TPPA adalah satu perjanjian perdagangan bebas yang komprehensif meliputi peraturan, pembukaan pasaran serta pemudahcara dalam perdagangan dan pelaburan. Malaysia satu-satunya negara yang membahas usul TPPA di Parlimen dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 27 Januari 2016.

Majlis menandatangani Perjanjian TPPA melibatkan 12 negara iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam, Amerika Syarikat serta Malaysia telah diadakan pada 4 Februari 2016 di Aukland, New Zealand. TPPA dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2018.

Perjanjian TPPA meliputi skop-skop baru seperti perolehan kerajaan, buruh, alam sekitar, syarikat milik kerajaan dan hak harta intelek. TPPA menghuraikan dengan jelas hak serta obligasi setiap ahli yang menyertai perjanjian ini. Walaupun terdapat beberapa peraturan yang mencabar, Malaysia telah berjaya merundingkan pengecualian untuk menjaga kepentingan negara.

LIBRARY CORNER

Oleh: Bahagian Korporat

Untuk pengetahuan semua, Library Corner telah diwujudkan di dalam Laman Web INFOPORTAL. Ia dilaksanakan bagi memberi info berkaitan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Perpustakaan JPS Malaysia serta memberi hebatan berkaitan senarai buku/majalah baru yang terdapat di Perpustakaan.

Semoga dengan kewujudan Library Corner ini dapat memberi manfaat kepada warga JPS.